

13/12/1997

ASB bayar dividen, bonus 11.5 peratus

Mutazar Abd Ghani; Radzi Wahab

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pelabur Amanah Saham Bumiputera (ASB) akan menerima dividen dan bonus berjumlah 11.5 peratus bagi pelaburan mereka tahun ini, menurun 1.75 peratus berbanding 13.25 peratus tahun sebelumnya.

Penurunan itu disumbangkan oleh pemberian bonus yang lebih rendah tahun ini iaitu sebanyak 1.25 peratus berbanding tiga peratus tahun lalu berikutan kejatuhan besar harga di pasaran saham tempatan. Kadar dividen bagaimanapun dikekalkan pada 10.25 peratus.

Tahun ini ASB akan memperuntukkan kira-kira RM3.3 bilion sebagai pembayaran dividen dan bonus bagi pelaburan skim itu, pertambahan 8.24 peratus berbanding RM3.048 juta pada 1996.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan, jumlah pembayaran dividen dan bonus tahun ini adalah yang terbesar pernah diberikan kepada pelabur sejak ASB dan Amanah Saham Nasional (ASN) dilancarkan.

Menurut Perdana Menteri, daripada jumlah itu, sebanyak RM2.94 bilion (1996: RM2.36 bilion) diperuntukkan untuk bayaran dividen iaitu bersamaan pulangan 10.25 peratus (1996: 10.25 peratus) ke atas unit yang diwujudkan sehingga 31 Disember 1997.

Beliau selaku Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputera (YPB) berkata, adalah dijangka unit yang diwujudkan sehingga akhir tahun ini bertambah kepada 29.5 bilion berbanding 25.054 bilion tahun lalu, meningkat 17.74 peratus.

Dr Mahathir berkata, bagi pembayaran bonus pula, sejumlah RM360 juta (1996: RM691 juta) diperuntukkan yang bersamaan dengan pulangan 1.25 peratus (1996: tiga peratus).

"Permodalan Nasional Bhd (PNB) berpendapat pulangan dividen dan bonus sebanyak 11.5 peratus bagi tahun ini adalah berpatutan untuk jenis pelaburan jangka panjang dan mempunyai risiko sangat rendah seperti skim ASB," katanya dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Mohd Hilmey Mohd Taib.

Menurut Perdana Menteri, tahun ini skim ASB memperolehi pendapatan sebanyak 31.8 peratus daripada dividen, 63.4 peratus daripada keuntungan jualan balik pelaburan dan selebihnya daripada pendapatan lain.

Tahun lalu pendapatan skim ASB daripada dividen adalah sebanyak 24.6 peratus sementara keuntungan jualan balik pelaburan menyumbang 71 peratus.

"Saya berharap pelabur akan terus mengekalkan perolehan dividen dan bonus yang akan diperolehi di dalam ASB dan juga terus menambah pelaburan kerana skim ini adalah tabungan pelaburan jangka panjang yang stabil dan menguntungkan.

"Selain itu, pelaburan menerusi pasaran modal ini menjadikan kumpulan wang dilaburkan lebih produktif dan secara tidak langsung akan membantu membanteras inflasi," katanya.

Dr Mahathir menegaskan, PNB akan sentiasa memastikan kepentingan pelaburan masyarakat umum Bumiputera dalam skim ASB diuruskan dengan bijaksana dan sebaik-baiknya.

Pelabur skim ASB akan menerima baucar dividen dan bonus serta laporan pengurus mereka mulai Februari 1998. Pelabur dinasihat mengemas kini alamat bagi memastikan baucar itu diterima.

Sementara itu, semua urusan niaga skim ASB dan ASN akan ditangguhkan mulai 16 Disember 1997 hingga 1 Januari 1998, bagi tujuan pengiraan dividen dan

bonus .

(END)